

Ong keliru pelantikan ketua jawatankuasa kempen

KUALA LUMPUR, 15 Disember — Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Kee Teat berkata beliau menolak pelantikannya sebagai Ketua Jawatankuasa Kempen Pergerakan Pemuda MCA bagi pilihan raya kecil Indera Kayangan kerana musykil dan keliru dengan pelantikan itu.

Katanya, jawatankuasa tiga ahli dianggotai Wang Choon Wing, Datuk Poh Ah Tiam dan Datuk Hon Choon Kim yang dilantik Jawatankuasa Pusat (CC) MCA bagi mengambil alih kuasa dan tanggungjawab pergerakan itu, tidak pernah meniaklumkan pelantikan itu kepadanya.

"Saya hanya mengetahui mengenainya melalui laporan media dan tidak pernah menerima surat mengenai pelantikan itu.

"Pelik juga dalam satu keadaan, Wong yang mengetuai jawatankuasa penasihat veteran dalam laporannya kepada CC menuduh saya penjenayah, manakala Poh dan Hon, anggota CC yang menerima laporan berkenaan.

"Bagaimana orang yang dituduh penjenayah yang menjadi dalang kekecohan mesyuarat Pemuda MCA boleh dilantik menjadi ketua kempen pilihan raya bagi Pemuda MCA," katanya di sini, hari ini.

Ditanya sama ada, pelantikan itu helah politik untuk menjatuhkannya, Ong berkata, dia tidak menolak kemungkinan itu.

Beliau menambah, seta-

kat ini CC parti juga tidak pernah memberi arahan bertulis dan tarikh sebenar bila penggantungan terhadap pergerakan itu berakhir.

Katanya, Dr Ling dan beberapa anggota CC lain pada mesyuarat 20 Disember lalu turut menolak cadangannya diadakan mesyuarat agung tergempar Pemuda MCA Kebangsaan berhubung kesahihan laporan jawatankuasa veteran yang diketuai oleh Wang Choon Wing.

"Saya sempat menyoal sama ada 1,514 perwakilan Pemuda MCA Kebangsaan boleh mengadakan mesyuarat tergempar tetapi serta merta saya diberikan jawapan negatif berhubung perkara itu," katanya pada sidang akhbar di Kementerian Belia dan Sukan di sini, hari ini.

Pada sidang akhbar itu juga, beliau menyifatkan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar pemimpin MCA mengetepikan perasaan masing-masing demi kepentingan parti sebagai tepat pada niasanya.

"Sudah nasti nasihat Perdana Menteri yang berpengetahuan luas dalam bidang politik, akan menjadi panduan kepada ahli MCA dalam mengatasi masalah dalamannya.

"Saya cuba menghubungi pejabat Perdana Menteri hari ini, dan berharap dapat menemui Dr Mahathir pada masa terdekat," katanya.